

13 SEP 2003

Zaharah-Penjagaan

MAJIKAN DIMINTA KOMITED SEDIA TEMPAT PENJAGAAN KANAK-KANAK

KUALA BERANG, 13 Sept (Bernama) -- Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman hari ini meminta majikan terutamanya daripada syarikat besar agar serius menyediakan tempat penjagaan kanak-kanak yang selesa untuk pekerja masing-masing.

Beliau berkata walaupun penyediaan pusat seperti itu masih bukan sesuatu yang mandatori, tetapi pihak majikan perlu mengambil langkah yang lebih serius supaya hasrat tersebut akan dapat direalisasikan.

Dr Siti Zaharah berkata kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai soal tersebut semasa pembentangan Bajet 2004 semalam menggambarkan kerajaan serius dalam soal tersebut.

"Dari segi kementerian, pihak kami bersedia untuk memberikan bantuan kepada majikan terutamanya dari segi pelesenan, penyediaan modul, latihan dan lain-lain bagi memudahkan mereka membuka pusat tersebut," katanya kepada pemberita selepas menutup larian Kerana Mu Malaysia peringkat Hulu Terengganu di sini hari ini.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan, semalam berkata kerajaan mungkin akan menjadikan penubuhan pusat jagaan kanak-kanak di tempat kerja sebagai syarat dalam `keutamaan pembangunan' majlis tempatan supaya lebih banyak pusat seumpamanya ditubuhkan.

Dr Siti Zaharah berkata syarikat-syarikat besar mampu menyediakan pusat penjagaan sendiri manakala majikan yang tidak mempunyai pekerja yang ramai pula harus memberikan sokongan kepada pusat penjagaan kanak-kanak yang berdekatan tempat mereka.

Menurutnya, ini bukan sahaja akan dapat membantu pekerja mereka dalam soal penjagaan anak-anak mereka tetapi juga akan dapat membantu meningkatkan pembangunan pusat-pusat seperti itu di kawasan mereka.

"Kita merasakan yang majikan akan mendapat keuntungan dan kelebihan daripada program ini, melalui hasil yang dikeluarkan pekerja yang tidak lagi perlu risau dengan masalah penjagaan anak-anak mereka," katanya.

-- BERNAMA

HIS MOZ